

Aizan Sofia bahagia bantu OKU

10 Tanda Bahagia BERSAMA ORANG TERNAAMA

Dikelolakan oleh
MANIRAH OTHMAN



1 KELUARGA

SAYA bahagia apabila dapat menggembarakan ahli keluarga terutamanya ibu dan ayah saya (Amin Dol, 74, dan Che Wan Mahidin, 64) serta adik-beradik. Mereka telah banyak berkorban. Jadi, sudah tiba masanya saya membantu dan membahagiakan mereka.

2 PEKERJAAN

SEBAGAI pendidik, saya bahagia apabila dapat menurunkan ilmu dan memberi kefahaman kepada pelajar. Menjadi tanggungjawab saya untuk berkongsi ilmu selain menerapkan nilai-nilai kemanusiaan dalam diri mereka.

3 KERJA SUKARELA

SAYA rasa sangat seronok apabila dapat buat kerja sukarela. Saya suka membantu orang ramai terutamanya golongan OKU. Saya juga gembira dan senang hati apabila dapat memberi pendidikan kepada pelajar-pelajar saya untuk sama-sama melakukan kerja-kerja sukarela.

4 DUTA TN50

SAYA gembira diberi amanah sebagai Duta Bella TN50. Platform ini memberi peluang kepada saya untuk menghimpunkan harapan dan aspirasi belia OKU. Sebagai peringkat permulaan, saya akan mengadakan beberapa sesi dialog dengan harapan dapat meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepedulian terhadap golongan ini.

5 BANTU OKU

SAYA rasa bertanggungjawab untuk membantu golongan OKU kerana

KEHIDUPAN pemilik nama **Aizan Sofia Amin**, 33, berubah selepas kaki kanannya terpaksa dipotong akibat kanser tulang 17 tahun lalu.

Bagaimanapun, wanita berhati waja ini tidak menjadikan kekurangan diri sebagai simbol kelemahan sebaliknya beliau bangkit menjadi orang berjaya untuk menyumbang semula kepada komuniti.

Hasil sumbangan tersebut, Aizan Sofia yang merupakan pensyarah kanan Pusat Penyelidikan Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dinobatkan sebagai penerima Anugerah

Khas Orang Kelainan Upaya (OKU) (Kategori Akademik) sempena sambutan Hari OKU Peringkat Kebangsaan Tahun 2015.

Wanita berasal dari Puchong, Selangor ini juga diberi kepercayaan menjadi salah seorang Duta Bella Transformasi Nasional 2050 (TN50). Beliau juga turut bergiat aktif dalam pelbagai persatuan antaranya, Majlis Kanser Nasional, Majlis Kebangsaan OKU, Islamic Relief Malaysia dan Malaysia Humanity Movement.

Aizan Sofia ketika ditemui di pejabatnya di UKM, Bangi baru-baru ini berkongsi 10 perkara yang membahagiakannya.

ia merupakan bidang saya. Apa sahaja yang berkaitan dengan OKU, memang saya akan cuba buat biarpun ia menuntut masa yang banyak. Saya mahu nasib golongan OKU di negara ini terbelak.

6 SUKAN SEA 2017

SAYA merupakan salah seorang penyelaras program latihan sukarela Sukan SEA 2017. Walaupun banyak masa perlu diperuntukkan, terus terang saya katakan yang saya gembira sekiranya dapat melatih sukarelawan yang bakal menjadi tulang belakang sukan terbesar di Asia Tenggara itu tidak lama lagi.

7 MAJLIS KEBANGSAAN OKU

PELANTIKAN saya sebagai ahli Majlis Kebangsaan OKU sangat relevan dengan bidang dan pengalaman saya. Saya sukakannya dan mahu ia menjadi salah satu cabang untuk saya membantu lebih ramai lagi OKU yang memerlukan.

8 PENYELIDIKAN

PENYELIDIKAN tentang OKU

sesungguhnya dapat memberi saya kebahagiaan dan keseronokan. Saya dapat mengetahui lebih banyak tentang kehidupan yang dilalui golongan ini sejak kecil hingga dewasa.

9 PROJEK KOMUNITI

SAYA suka dengan projek komuniti kerana dapat mendekati pelbagai pihak daripada kecil hingga dewasa selain memberi peluang kepada saya untuk melatih lebih ramai sukarelawan OKU. Apabila lebih ramai yang kita latih, lebih banyak kesedaran tentang nasib golongan ini dapat diterapkan.

10 MELANCONG

SAYA gemar melancong. Saya suka melihat tempat orang dan menikmati keindahan alam sekitar. Selain itu, saya juga suka melihat interaksi orang ramai selain tidak melepaskan peluang untuk bergambar.



AIZAN SOFIA